

RM25 juta lebur akibat *Love Scam* di Johor

1,047 laporan polis
diterima dari awal
tahun sehingga
awal Jun

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
JOHOR BAHRU

Sejumlah 1,047 laporan polis membabitkan kes *Love Scam* diterima dari awal tahun hingga awal Jun di Johor.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, jumlah tersebut meningkat berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu 934 laporan polis.

“Dari awal tahun sehingga hari ini (Rabu), mangsa-mangsa yang ditipu sindiket *Love Scam* melibatkan kerugian RM25 juta.

“Sasaran sindiket ini ialah memperdaya individu kesunyian berusia antara 50 hingga 60-an yang dilakukan menerusi media sosial,”

katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pemakaian Pangkat Rendah Polis Kontinjen Johor sesi 2/2022 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini pada Rabu.

Kamarul Zaman berkata, dalam kes terbaharu, seorang suri rumah berusia 50-an yang masih memiliki suami menyerahkan RM140,000 kepada seorang lelaki dikenali menerusi media sosial akibat terjerat cinta maya.

“Wang yang diserahkan wanita tersebut adalah hasil pemberian ahli keluarga termasuk anak bagi kegunaannya,” jelasnya.

Beliau berkata, kebiasaannya mangsa yang kesunyian menjadi sasaran sindiket menyamar sebagai insan kaya, berjaya dan warga asing.

Dalam kebanyakan kes ujarnya, mangsa melakukan transaksi pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank tempatan dan diperdaya untuk membayar cukai konon-



KAMARUL ZAMAN

nya bagi mendapatkan hadiah daripada kekasih, selain dipelawa untuk berkahwin.

“Mereka kononnya dari Korea, Jepun dan bekerja di syarikat minyak terkenal namun akaun diberikan kepada mangsa untuk tujuan transaksi pemindahan wang adalah milik warga tempatan.

“Tidak dinafikan ada pemilik akaun yang menjadi keldai akaun apabila menjual akaun bank kepada sindiket dengan harga ratusan ringgit dan akhirnya menerima padah apabila ia membabitkan siasatan polis,” tegasnya.

Tambahnya, keldai akaun juga boleh didakwa atas penipuan yang berlaku serta berdepan hukuman dan beberapa keldai akaun sudah dikenal pasti untuk tindakan lanjut.

“Walaupun pelbagai hebahkan menerusi media dilakukan berkaitan *Love Scam*, masih ada individu sudah berkahwin atau bujang menjadi mangsa dan mengalami kerugian,” katanya.